

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 SEPTEMBER 2021

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

Belanjawan 2022: Manfaatkan ruang defisit

PETALING JAYA: Kerajaan diminta mempertimbangkan nisbah defisit fiskal yang lebih tinggi pada tahun hadapan untuk menampung pemulihan ekonomi dan pertumbuhan.

Penyelidikan untuk Kemajuan Sosial (Refsa) berkata, ruang defisit Malaysia yang masih luas perlu dimanfaatkan supaya negara dapat melaksanakan pengembangan polisi fiskal sebagai strategi pemulihan daripada impak pandemik Covid-19.

Dalam kenyataan oleh pasukan ekonominya semalam, Refsa membangkitkan jangkaan defisit Malaysia oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sebanyak enam hingga 7.5 peratus berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Katanya, ia masih rendah berbanding purata defisit fiskal ekonomi baru muncul pada 2020, iaitu pada 9.8 peratus.

"Jadi, masih ada ruang untuk perbelanjaan bersasar kerajaan diteruskan.



"Paling penting, adalah mustahak untuk kerajaan tidak mengeluarkan sokongan fiskal kepada perniagaan dan isi rumah yang terkesan terlalu awal kerana jalan ke arah pemulihan masih kabur dan mencabar," katanya.

Pasukan ekonomi Refsa berkata demikian ketika mengulas

Kenyataan Pra-Belanjawan oleh Kementerian Kewangan yang disifatkan sebagai langkah baik ke arah menggalakkan ketelusan dan mengurangkan ketidaktentuan dalam isu polisi fiskal.

Menurut Refsa, pihaknya menyokong hasrat kerajaan untuk meningkatkan had nisbah

hutang kepada KDNK melepasi 60 peratus memandangkan bagi pihaknya, nisbah tersebut adalah sasaran bergerak yang boleh ditingkatkan sementara berdasarkan situasi.

Selain itu, institut penyelidikan itu turut bersetuju dengan pendekatan serampang tiga mata

Kementerian Kewangan dalam Belanjawan 2022, iaitu menggalakkan pemulihan jangka pendek, daya tahan jangka sederhana dan reformasi jangka panjang.

Untuk jangka pendek, Refsa menekankan kepentingan untuk menjamin peruntukan kesihatan mencukupi bagi infrastruktur cari, uji, jejak, asing, sokong dan vaksin (FTTIS+V) yang melibatkan strategi komprehensif merangkumi pengesanan kawasan panas, pengujian dan penjejakan kontak yang membolehkan negara menangani ancaman wabak pada masa hadapan.

"Melihat naratif global tentang peralihan pandemik kepada endemik Covid-19, adalah penting untuk Belanjawan 2022 membekalkan liputan mencukupi bagi menjadikan perniagaan kalis pandemik.

"Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia perlu diberikan sokongan melalui geran, pinjaman mudah atau insentif cukai yang diperlukan," katanya.